

ULASAN KES

SIS FORUM (MALAYSIA) & ANOR LWN. JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR & ORS [2025] 5 MLRA 92

*Mohamed Rashid Ab Razak*¹
rashidrazak@iium.edu.my

*Tajul Aris Ahmad Bustami*²
tajularis@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (Coresponding author):¹

PENDAHULUAN

Kes *SIS Forum (Malaysia) & Anor lwn. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Ors* menandakan suatu detik penting dalam landskap perundangan Islam dan pentadbiran awam di Malaysia. Pertikaian ini melibatkan dua entiti yang mempunyai kedudukan yang berbeza dalam struktur perlembagaan dan sosioagama negara. SIS Forum (Malaysia), sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, sebuah badan berautoriti di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAI 2003) yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa dan menasihati sultan dalam urusan fatwa negeri.

Di Malaysia, fatwa merupakan instrumen hukum syarak yang diamalkan sebagai panduan bagi menangani isu agama yang dihadapi oleh muslim secara keseluruhannya. Fatwa yang digunakan dan diiktiraf ialah fatwa yang dikeluarkan melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri yang diwartakan. Peruntukan yang berkaitan dengan fatwa diletakkan dalam setiap akta/enakmen/ordinan di setiap negeri di Malaysia.

Pada 17 Julai 2014, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengeluarkan fatwa bahawa individu atau pertubuhan yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama difatwakan sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Sebarang bahan terbitan yang berunsurkan pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas. Fatwa itu juga

memperuntukkan keperluan untuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyekat laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak. Fatwa ini diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Julai 2014.

SIS Forum (Malaysia) merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berdaftar yang dinyatakan secara langsung dalam fatwa tersebut dan tidak berpuas hati, seterusnya memohon semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi, kemudiannya di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Kes ini menarik perhatian kerana menyentuh bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam pengeluaran fatwa dan kesan fatwa yang diwartakan terhadap individu, organisasi dan institusi kerajaan.

Dari segi kepentingan akademik, kes ini menjadi medan uji yang julung kali berlaku bagi menilai had kuasa fatwa dalam perundangan dwirangka/sistem di Malaysia, iaitu hubungan antara bidang kuasa negeri (agama Islam, hukum syarak dan institusi fatwa) dengan bidang kuasa persekutuan (hak asasi, kebebasan bersuara dan agensi pelaksana, seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, SKMM). Keputusan Mahkamah Persekutuan pada 19 Jun 2025 bukan sahaja memberikan penjelasan terhadap status perundangan fatwa dalam hierarki sumber undang-undang Malaysia, malah menimbulkan persoalan baharu tentang kebertanggungjawaban institusi agama negeri terhadap prinsip kedaulatan undang-undang dan hak asasi yang dijamin oleh Perlembagaan.

Dalam konteks interaksi bidang kuasa, kes ini memperlihatkan bahawa konflik klasik antara autoriti agama negeri dengan institusi persekutuan. Pada sisi satu pihak, bidang kuasa Islam, termasuklah pengeluaran dan pelaksanaan fatwa diletakkan di bawah Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Pada sisi pihak yang lain, pelaksanaan terhadap entiti berdaftar, larangan penerbitan dan sekatan media melibatkan undang-undang persekutuan di bawah kawalan agensi, seperti SKMM dan Kementerian Dalam Negeri.

LATAR BELAKANG KES

Kes ini merupakan permohonan daripada SIS Forum (Malaysia) terhadap keabsahan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Permohonan ini difailkan pada tahun 2014 di Mahkamah Tinggi dan diputuskan pada tahun 2019. Setelah itu, SIS kemudiannya merayu di Mahkamah Rayuan dan kemudiannya di Mahkamah Persekutuan.

Kronologi Ringkas Peristiwa Utama

- 1) **17 Julai 2014 – Pengeluaran Fatwa, 31 Julai 2014 – Pewartaan.** Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menyediakan dan mengisytiharkan fatwa yang menyatakan bahawa mana-mana individu atau organisasi yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama difatwakan “sesat” dan “menyeleweng” daripada ajaran Islam. Fatwa tersebut kemudiannya diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Julai 2014. (eLaw.my, 2014; Warta Kerajaan Negeri Selangor, 2014).
- 2) **2014 – Permohonan semakan kehakiman difailkan.** Sebagai tindak balas, SIS (yang berdaftar sebagai SIS Forum (Malaysia)) memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk menentang fatwa tersebut pada tahun 2014 dan mempersoalkan kesahan dan tindakan pelaksanaannya. Permohonan awal ini didaftarkan sebagai JR No WA-25-204-10/2014 (Sisters in Islam, 2014).
- 3) **27 Ogos 2019 – Keputusan Mahkamah Tinggi.** Mahkamah Tinggi menolak permohonan semakan kehakiman itu dan memutuskan bahawa prosedur penyediaan dan pewartaan fatwa mematuhi enakmen negeri dan isu bidang kuasa perlu dilihat dalam konteks Perlembagaan dan peruntukan enakmen negeri (High Court dismisses, 2019).
- 4) **14 Mac 2023 – Mahkamah Rayuan.** Rayuan SIS di Mahkamah Rayuan gagal dengan majoriti 2–1 dan keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan (Malay Mail, 2023)
- 5) **19 Jun 2025 – Keputusan Mahkamah Persekutuan.** Mahkamah Persekutuan membenarkan sebahagian rayuan SIS dan memutuskan bahawa perenggan tertentu dalam fatwa adalah tidak sah kerana melampaui bidang kuasa enakmen negeri, iaitu perenggan fatwa yang cuba menerapkan hukuman atau perintah terhadap entiti korporat/ pertubuhan yang mengarahkan penguatkuasaan oleh agensi persekutuan (contohnya sekatan kandungan dalam talian) kerana melangkaui bidang kuasa enakmen negeri. Mahkamah menegaskan bahawa fatwa sedemikian hanya boleh mempunyai kesan terhadap individu Islam (natural persons), bukannya syarikat atau organisasi (eLaw.my, 2025; *SIS Forum (Malaysia)* lwn. *Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor*, 2025)

Pihak yang Terlibat dan Peranan Masing-masing

- **Pemohon/Perayu:** SIS Forum (Malaysia) ialah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 (kini Akta Syarikat 2016) dan entiti yang

dinamakan dalam fatwa dan pemohon utama bagi semakan kehakiman terhadap pewartaan fatwa tersebut.

- **Responden:** Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ialah pihak yang menggubal dan mengisytiharkan fatwa; Kerajaan Negeri Selangor ialah pihak yang bertanggungjawab terhadap pewartaan; dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ialah pencelah yang dibenarkan untuk masuk campur bagi menegakkan autoriti agama negeri.
- **Agensi Persekutuan yang dirujuk dalam fatwa (tidak dinamakan sebagai responden):** Fatwa tersebut turut mengandungi arahan yang memerlukan tindakan oleh agensi persekutuan, seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), untuk menyekat penyebaran bahan bercetak dan kandungan digital tertentu. Elemen ini menimbulkan persoalan bidang kuasa kerana perkara yang berkaitan dengan komunikasi dan media terletak di bawah bidang kuasa persekutuan menurut Jadual Kesembilan, Senarai I, Perlembagaan Persekutuan.

Kandungan Utama Fatwa yang Dipertikaikan

Fatwa ini dikeluarkan pada 17 Julai 2014 berdasarkan Seksyen 47 EPAI 2003 dan diwartakan pada 31 Julai 2014. Seksyen ini memperuntukkan bahawa:

Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama

- 1) SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan, atau institusi yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama difatwakan sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
- 2) Mana-mana bahan terbitan yang berunsurkan pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
- 3) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak.
- 4) Mana-mana individu yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

Fatwa ini jelas berkenaan dengan ancaman fahaman liberalisme dan pluralisme agama di Selangor. Pihak berkuasa agama menyarankan agar fahaman ini dilarang dan penyebarannya kepada orang Islam

disekat. Institusi kerajaan pula hendaklah bekerjasama bagi menghalang penyebaran fahaman ini.

Peruntukan Perundangan yang Berkaitan

Prosiding ini menuntut tafsiran silang antara peruntukan undang-undang persekutuan dengan undang-undang negeri, khususnya yang melibatkan:

- (a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen No. 1 Tahun 2003] – Mahkamah meneliti kuasa Jawatankuasa Fatwa seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 47 hingga Seksyen 49 yang menetapkan tatacara penggubalan dan pewartaan sesuatu fatwa. Seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 pula memperuntukkan kesalahan penyebaran ajaran yang bercanggah dengan hukum syarak. Persoalan utama ialah prosedur pewartaan dan kandungan fatwa yang menamakan SIS Forum (Malaysia) itu mematuhi kehendak enakmen tersebut atau melangkaui had bidang kuasa yang diperuntukkan.
- (b) Perlembagaan Persekutuan – Prosiding ini turut menimbulkan isu perlembagaan yang luas, termasuklah interaksi antara:
 - Artikel 121(1A) yang memperuntukkan pemisahan bidang kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah syariah;
 - Artikel 3(1) yang mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan, tertakluk pada Perlembagaan;
 - Artikel 8 mengenai kesamarataan pada sisi undang-undang; serta
 - Artikel 10 dan 11 berkenaan kebebasan bersuara, berpersatuan dan beragama.

Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa pelaksanaan fatwa tidak boleh menjejaskan perkara yang berada di bawah bidang kuasa persekutuan atau mencabuli hak asasi yang dilindungi oleh Perlembagaan walaupun hal ehwal Islam terletak di bawah Senarai II (Negeri) dalam Jadual Kesembilan. Dalam hal ini, peruntukan enakmen tidak boleh ditafsirkan dengan cara yang menjadikan fatwa tersebut *ultra vires* terhadap Perlembagaan.

Permohonan Perayu

Perayu yang mendakwa dirinya terjejas secara langsung disebabkan oleh fatwa tersebut dalam permohonannya memohon remedi seperti yang berikut:

- 1) Satu deklarasi bahawa keputusan yang ditetapkan oleh responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa, dengan nombor rujukan MAS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan (diwartakan) pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003):
 - (a) Takat fatwa tersebut secara tersirat memperuntukkan kesalahan yang berkaitan dengan “akhbar, penerbitan, penerbit, percetakan dan mesin cetak” bercanggah dengan Seksyen 7 Akta Cetak, 1984;
 - (b) Takat fatwa tersebut mengarahkan penyekatan laman sosial bercanggah dengan Seksyen 3(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; dan
 - (c) Takat melampaui (in excess) peruntukan Artikel 10, Artikel 11, Artikel 74 dan Jadual Kesembilan Senarai I dan II Perlembagaan Persekutuan yang cuba memperuntukkan kesalahan yang berkaitan dengan pengekangan hak mana-mana individu, pertubuhan dan sebagainya untuk mendokong “fahaman liberalisme dan pluralisme” agama, “bahan terbitan” hak bersuara dan ekspresi “pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama”, penyekatan hak bersuara ekspresi di “laman-laman sosial yang bertentangan dengan agama Islam dan hukum syarak”, yang semuanya bukan merupakan perkara yang boleh diperuntukkan di bawahnya.
- 2) Satu deklarasi bahawa pemohon pertama yang merupakan sebuah “company limited by guarantee” yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, atau mana-mana pihak lain yang tidak memprofes (menganut) agama Islam tidak boleh tertakluk pada keputusan yang ditetapkan oleh responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa, dengan nombor rujukan MAS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003), serta bidang kuasa responden hanya terpakai terhadap individu yang memprofes agama Islam.
- 3) Satu perintah mahkamah yang lebih tinggi yang melakukan semakan kes yang diputuskan oleh mahkamah lebih rendah (certiorari) untuk memasukkan keputusan yang dibuat oleh responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa, dengan nombor

rujukan MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) yang memiliki kesan untuk kononnya:

- a) Mentakrifkan SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam;
- b) Mengharamkan, meskipun kuasa sebegitu tidak dimiliki oleh responden, dan memberikan kuasa penuh (*carte blanche*) kepada mana-mana pihak untuk merampas mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama;
- c) Mengarahkan *inter alia* kepada agensi Persekutuan, khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), untuk menyekat laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak; dan
- d) Mengarahkan mana-mana individu yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama untuk bertaubat dan kembali ke jalan Islam untuk dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk dibatalkan dengan serta-merta.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Latar Umum Keputusan

Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *SIS Forum (Malaysia) & Anor lwn. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Ors* (Federal Court, 19 Jun 2025) merupakan kemuncak proses perundangan yang berlangsung dalam tempoh lebih satu dekad. Panel lima hakim dipengerusikan oleh Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara. Mahkamah Persekutuan membenarkan sebahagian rayuan SIS Forum, iaitu dengan membatalkan bahagian fatwa yang:

- 1) Mengisytiharkan SIS Forum (Malaysia) sebagai pihak yang sesat atau menyeleweng daripada Islam;
- 2) Mengarahkan agensi persekutuan, seperti SKMM, untuk menyekat bahan penerbitan organisasi tersebut; dan
- 3) Menetapkan sebarang bentuk hukuman atau tindakan pentadbiran terhadap entiti korporat.

Sebaliknya, mahkamah mengekalkan keabsahan prinsip umum fatwa yang menyatakan bahawa fahaman liberalisme dan pluralisme agama bercanggah dengan ajaran Islam kerana perkara itu merupakan pendirian hukum syarak yang sah dalam bidang kuasa negeri.

Keputusan Kes (Majoriti)

Tengku Maimun Tuan Mat, KHN (bagi pihak Majoriti):

- 1) Satu deklarasi bahawa keputusan yang ditetapkan oleh responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa dengan nombor rujukan MAS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4) yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003):
 - a) Takat fatwa tersebut secara tersirat memperuntukkan kesalahan yang berkaitan dengan akhbar, penerbitan, penerbit, percetakan dan mesin cetak bercanggah dengan Seksyen 7 Akta Cetak, 1984; dan
 - b) Takat fatwa tersebut mengarahkan penyekatan laman.
- 2) Satu deklarasi bahawa pemohon pertama yang merupakan sebuah “company limited by guarantee” yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, atau mana-mana pihak lain yang tidak memprofes agama Islam tidak boleh tertakluk pada keputusan yang ditetapkan oleh responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa dengan nombor rujukan MAS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4) yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003), serta bidang kuasa responden hanya terpakai untuk individu yang memprofes agama Islam.
- 3). Satu perintah certiorari untuk memasukkan keputusan yang dibuat oleh responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa dengan nombor rujukan MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4) yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) yang memiliki kesan yang kononnya:
 - a) Mentakrifkan SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana pertubuhan atau institusi yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam;

- b) Mengharamkan, meskipun kuasa sebegitu tidak dimiliki oleh responden dan memberikan kuasa penuh (*carte blanche*) kepada mana-mana pihak untuk merampas mana-mana bahan terbitan yang berunsurkan pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama; dan
- c) Mengarahkan *inter alia* suatu agensi persekutuan, khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyekat laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak.

untuk dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk dibatalkan dengan serta-merta.

Penghakiman Minoriti

Abu Bakar Jais HMP (minoriti)

- 1) Persoalan yang perlu ditanya ialah perkara yang dipertikaikan dalam kes ini. Jawapannya ialah pertikaian ini berkaitan dengan fatwa, iaitu inti utama pertikaian ini. Walaupun terdapat isu lain, isu tersebut tidak lebih penting daripada pertikaian mengenai fatwa. Oleh sebab fatwa merupakan teras pertikaian ini, perkara pokok dalam kes ini harus diteliti.
- 2) Dengan berdasarkan perkara pokok ini disimpulkan bahawa pertikaian berhubung fatwa termasuk dalam bidang kuasa mahkamah syariah, bukannya mahkamah sivil. Pendekatan ini digariskan oleh mahkamah tertinggi negara yang masih merupakan undang-undang yang sah dan terpakai. Setelah ditentukan bahawa perkara tersebut berada dalam bidang kuasa mahkamah syariah, hanya mahkamah itu sahaja yang berhak untuk memutuskan kesahan sesuatu fatwa yang dikeluarkan.
- 3) Sudah tiba masanya sebuah syarikat, walaupun secara teknikalnya bukan seorang “individu”, turut tertakluk pada fatwa, khususnya berdasarkan fakta dalam kes ini.
- 4) Semua isu, termasuklah isu sampingan, telah dibincangkan dan ditangani. Oleh itu, tiada kecenderungan dan keperluan untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan yang berhubung dengan rayuan ini. Dengan berdasarkan semua alasan yang dijelaskan, tiada sebarang keraguan untuk menolak rayuan ini.
- 5) Akhir sekali, aneh sekiranya mahkamah syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan pertikaian mengenai sesuatu fatwa.

ULASAN KES

Kes ini diputuskan oleh mahkamah tertinggi dalam hieraki mahkamah di Malaysia, iaitu Mahkamah Persekutuan. Keputusan ini mengikat mahkamah yang lebih rendah pada masa akan datang. Majoriti hakim dalam kes ini bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan berkenaan keabsahan tersebut, tetapi menegaskan bahawa fatwa ini tidak terpakai untuk organisasi yang tidak beragama dan Jawatankuasa Fatwa Negeri tidak boleh mengeluarkan arahan pentadbiran kepada agensi Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan fatwa ini.

Keputusan ini dapat dilihat dari pelbagai perspektif bergantung pada sudut pemahaman masyarakat yang menilainya. Untuk bergerak ke hadapan, keputusan kes ini perlu dinilai secara positif untuk penambahbaikan sistem perundangan negara.

Keabsahan Fatwa

Mahkamah pada semua peringkat, termasuklah Mahkamah Persekutuan, sebulat suara untuk mengiktiraf bahawa fatwa ini sah dan ditetapkan berdasarkan proses perundangan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 47 EPAI 20023. Apatah lagi, fatwa ini diwartakan secara sempurna dan mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Mahkamah tidak membincangkan kandungan fatwa tentang liberalisme dan pluralisme agama kerana berada dalam bidang kuasa eksklusif Jawatankuasa Fatwa yang hanya boleh dicabar di mahkamah syariah. Fatwa ini kekal sah terhadap individu, iaitu terhadap mana-mana orang Islam yang menganut fahaman liberalisme dan pluralisme agama. Individu ini dianggap sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

Pengiktirafan Terhadap Peranan Fatwa

Mahkamah Persekutuan secara sebulat suara juga mengiktiraf peranan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam penjagaan akidah umat Islam daripada kesesatan fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang makin menular dalam kalangan masyarakat. Oleh hal yang demikian, individu yang mengamalkan fahaman ini hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam atau boleh dikenakan tindakan berdasarkan fatwa tersebut.

Keputusan majoriti mahkamah cuma menegaskan bahawa fatwa ini tidak digunakan oleh organisasi yang tidak menganut sebarang agama.

Namun begitu, individu muslim yang menggerakkan organisasi tersebut terikat pada fatwa ini.

Dengan berdasarkan keputusan majoriti, fatwa tidak digunakan oleh syarikat, institusi atau pertubuhan, seperti SIS Forum (Malaysia) Berhad kerana Mahkamah mentafsir frasa "*persons professing the religion of Islam*" dalam Perlembagaan untuk merujuk manusia sahaja, bukannya entiti buatan.

Mahkamah turut menyatakan bahawa tiada keperluan untuk melihat di balik tirai perbadanan kerana fatwa secara jelas membezakan antara SIS sebagai entiti korporat dengan individu muslim yang turut terlibat. Hal ini memerlukan penjelasan lanjut kerana dalam hal yang berkaitan dengan syarikat dan tanah, undang-undang mengiktiraf kewujudannya sebagai entiti buatan yang menyebabkan undang-undang terpakai untuknya.

Perkara menarik dalam kes ini adalah apabila YAA Tengku Maimun, KHN menegaskan bahawa individu yang bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan syarikat, pertubuhan atau institusi yang melanggar fatwa tersebut kekal terikat pada fatwa tersebut. Fatwa tersebut sah untuk individu yang berfahaman liberalisme dan pluralisme agama, iaitu sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Individu yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam. Walaupun menolak aplikasi fatwa ini terhadap organisasi, keputusan majoriti mengikat individu muslim yang menggerakkan organisasi terlibat. Hal ini bermakna, individu muslim terikat pada fatwa ini.

Dalam hal ini, keputusan HMP, YA Abu Bakar Jais lebih objektif dengan unjuran untuk melihat tujuan dan peranan organisasi tersebut. Sekiranya organisasi berperanan dalam isu orang Islam dan peranannya menyentuh hukum Islam, fatwa ini amat diperlukan untuk mengawal selia aktiviti organisasi tersebut.

YA Abu Bakar berpendapat bahawa sesebuah syarikat boleh terikat pada fatwa berdasarkan kegiatan dan identiti yang digunakannya. Jika sesebuah organisasi secara aktif memperkenalkan diri sebagai suara Islam dan menyebarkan pandangan keagamaan, organisasi tersebut tidak harus bersembunyi di balik status perundangan untuk mengelakkan akauntabiliti syarak. Beliau juga menyatakan bahawa mahkamah syariah ialah forum yang lebih sesuai untuk mendengar cabaran terhadap kesahan substantif sesuatu fatwa, bukannya mahkamah sivil.

Dengan berdasarkan laman sesawang SIS (Forum) Malaysia, dapat difahami bahawa peranan SIS (Forum) Malaysia termasuklah pembelaan

masyarakat dalam hak kekeluargaan orang Islam yang secara langsung melibatkan hukum dan undang-undang Islam. YA Abu Bakar menegaskan fatwa ini terpakai untuk SIS (Forum) Malaysia kerana aktivitinya meliputi pandangan tentang ajaran Islam. Oleh hal yang demikian, penghakiman YA Abu Bakar ini dilihat lebih bertepatan dalam konteks semasa.

Bidang Kuasa Mahkamah

Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan kes ini bagi menjalankan semakan kehakiman terhadap peranan yang dijalankan oleh institusi kerajaan, iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Penghakiman YA Abu Bakar memilih untuk melihat perkara pokok dalam penentuan isu bidang kuasa. Oleh sebab perkara pokok dalam kes ini melibatkan isu syariah, forum yang lebih bersesuaian untuk mendengar permohonan ini ialah mahkamah syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Apabila sesuatu perkara pokok itu jelas berada di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah, mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut. Pendekatan yang diambil oleh YA Abu Bakar dengan memfokuskan perkara pokok ini dilihat lebih objektif dan lebih mudah difahami dalam penentuan bidang kuasa mahkamah.

Kesan Fatwa terhadap Agensi Kerajaan Persekutuan

Jawatankuasa Fatwa dan agensi lain bertanggungjawab untuk menjaga akidah dan maslahat umat Islam. Fatwa ini dikeluarkan sebagai *hifz al-din* bagi menjaga akidah umat Islam daripada kesesatan fahaman liberalisme dan pluralisme agama. Untuk pelaksanaan *hifz al-din* ini, kerjasama daripada semua pihak, terutamanya agensi kerajaan, amat diperlukan.

Dalam fatwa ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak. Dalam konteks fatwa ini, SKMM ialah agensi kerajaan yang sesuai, bertepatan dan dapat melaksanakan fatwa ini dengan berkesannya untuk mengelakkan penularan fahaman sesat kepada masyarakat.

Dalam permohonan ini, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa fatwa terhadap SKMM yang berkaitan dengan pengharaman bahan terbitan dan sekatan kandungan internet tidak terlaksana kerana melibatkan bidang

kuasa agensi persekutuan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Mahkamah menetapkan keputusan ini berdasarkan kata yang dipilih dalam fatwa tersebut, iaitu “hendaklah” yang bermaksud keterikatan dengan fatwa tersebut. Hal ini sesuatu yang dapat difahami dalam konteks perundangan negara. Walau bagaimanapun, keterlibatan agensi kerajaan dalam pelaksanaan fatwa secara bekesan amat diharapkan. Walaupun tiada keterikatan, kerjasama agensi sepatutnya boleh dipohon.

Dengan berdasarkan keputusan ini, perkara yang menarik untuk difikirkan ialah keadaan yang berlaku sekiranya arahan sebegini dikeluarkan oleh agensi kerajaan, seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri atau Pejabat Perdana Menteri atau diwartakan oleh Parlimen, seterusnya, menyebabkan keterikatan agensi kerajaan persekutuan dalam hal yang berkaitan dengan penjagaan akidah umat Islam.

Perbandingan Fatwa Pengharam SIS (Forum Malaysia) dan Fatwa Zakat Terhadap Organisasi

Pelaksanaan fatwa ini terhadap NGO, seperti SIS Forum (Malaysia), sepatutnya selari dengan kewajipan untuk mengeluarkan zakat oleh firma dan syarikat orang Islam sebagaimana fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor pada 24 Julai 2002 dan diwartakan pada 28 Ogos 2003. Hal yang sama dapat dilihat dalam pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam Muzakarah Khas bertarikh 16 Ogos 2001 yang mewajibkan pengeluaran zakat terhadap syarikat. Hal ini dikatakan demikian kerana kewajipan undang-undang juga boleh dikenakan terhadap syarikat yang dianggap sebagai entiti buatan (Shakhs i'tibārī). Kegagalan syarikat untuk mengeluarkan zakat tersebut menyebabkan pemilik atau pemegang saham syarikat itu berkewajipan untuk membayar zakat.

Dengan berdasarkan analogi ini, adalah sesuatu yang menghairankan apabila fatwa kewajipan zakat terhadap syarikat ini tidak dipertimbangkan dalam penghakiman majoriti Mahkamah Persekutuan. Tanggungjawab terhadap syarikat atau NGO dapat diperturunkan kepada pemilik atau ahli jika ada keperluan sebagaimana yang terkandung dalam undang-undang syarikat. Dalam undang-undang syarikat, telah lama menjadi satu prinsip undang-undang yang diterima pakai di Malaysia bahawa mahkamah akan mengangkat dan/atau menembusi tirai korporat sekiranya sesebuah syarikat ditubuhkan atau digunakan sebagai wahana bagi tujuan penipuan yang menyebabkan pemilik atau Ahli Lembaga Pengarah boleh dikenakan

tindakan undang-undang. Analogi ini mungkin tidak tepat dalam konteks perbincangan ini, tetapi dapat dijadikan asas bagi penerimaan fatwa ini, iaitu walaupun fatwa yang diwartakan terhadap SIS Forum (Malaysia), tindakan boleh diambil terhadap ahlinya jika berfahaman salah sebagaimana yang dinyatakan dalam fatwa tersebut.

Komen dan Cadangan

Keputusan mahkamah persekutuan ini mendedahkan kewujudan jurang perundangan yang memerlukan perhatian dan penyelesaian secara menyeluruh. Keputusan ini turut menuntut penilaian semula terhadap peranan institusi fatwa bagi menghadapi realiti semasa, khususnya yang berkaitan dengan penggunaan entiti korporat sebagai medium penyebaran fahaman yang bersifat kontroversi atau bertentangan dengan ajaran Islam arus perdana.

Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan mendesak untuk meneliti kemungkinan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan, khususnya Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), bagi memperincikan kategori entiti yang dapat tertakluk pada fatwa secara lebih menyeluruh dan komprehensif. Pindaan ini berpotensi untuk mengukuhkan kejelasan bidang kuasa agama Islam serta mengelakkan kekeliruan pentafsiran antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah.

Selain itu, dicadangkan agar badan penyelarasan antara mahkamah syariah dengan mahkamah sivil ditubuhkan bagi menangani pertindihan atau ketegangan bidang kuasa secara lebih sistematik dan berstruktur. Pendekatan ini dapat memperkukuh prinsip keharmonian dalam sistem dwirangka Malaysia.

Pada masa yang sama, institusi fatwa wajar diperkasakan bukan sahaja dari aspek penguatkuasaan, tetapi juga melalui peningkatan kapasiti penyelidikan, analisis dan penilaian dasar. Hal ini penting bagi memastikan keputusan fatwa terus relevan, responsif terhadap isu semasa, serta berfungsi sebagai sumber panduan autoritatif dalam penggubalan dasar awam dan perundangan Islam di Malaysia.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Pada 25 Jun 2025, DYMM Sultan Selangor menitahkan agar SIS (Forum) Malaysia tidak lagi menggunakan nama “Sisters in Islam” dalam penerbitannya bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Titah ini, walaupun bukan suatu arahan berperundangan, mencerminkan

keprihatinan pihak berkuasa agama terhadap penyalahgunaan istilah yang berkait rapat dengan identiti Islam (SIS Forum (Malaysia), 2025).

Titah ini menjelaskan bahawa penyalahgunaan kata “Islam” dalam nama dan penerbitan SIS Forum (Malaysia) dapat menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, baginda menggesa agar SIS Forum (Malaysia) tidak lagi menggunakan nama “Sisters in Islam” dalam sebarang bentuk penerbitan atau saluran rasmi yang dikaitkan dengan entiti tersebut. Gesaan ini untuk memelihara kemurnian ajaran Islam dan memastikan agar penyampaian ilmu agama tidak disalahertikan atau dimanipulasikan atas nama kebebasan.

Susulan itu, SIS Forum (Malaysia) dalam kenyataan rasmi bertarikh 31 Julai 2025 dengan rasminya mengumumkan dan memutuskan untuk menggugurkan kata “Islam” daripada nama yang selama ini digunakannya. Keputusan ini ditetapkan selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 11 Julai 2025. Mulai waktu ini, entiti ini menggunakan nama berdaftar organisasi, iaitu SIS Forum (Malaysia), bukannya “Sisters in Islam” lagi (SIS Forum (Malaysia), 2025).

KESIMPULAN

Keputusan ini dilihat dapat mengukuhkan bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa dalam aspek pengeluaran fatwa. Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa individu Muslim yang terlibat atau menyokong fahaman liberalisme dan pluralisme agama tetap tertakluk pada ketetapan fatwa. Pendekatan ini secara tidak langsung memperkukuh kedudukan Jawatankuasa Fatwa sebagai institusi berautoriti yang berperanan untuk memelihara doktrin dan kesucian ajaran Islam pada peringkat negeri. Selain itu, mahkamah turut mengiktiraf bahawa aspek substantif hukum syarak, termasuklah isu yang berkaitan dengan akidah dan pengawalan terhadap doktrin keagamaan terletak di bawah bidang kuasa mahkamah syariah dan berada di luar jangkauan mahkamah sivil, selaras dengan peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, keputusan ini turut membuka ruang tafsiran baharu yang berpotensi bagi membenarkan entiti bukan individu untuk menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan prinsip Islam arus perdana tanpa tertakluk pada pengawasan fatwa. Keadaan ini dapat memberikan risiko terhadap kredibiliti dan keberkesanan institusi fatwa, khususnya bagi menangani cabaran ideologi kontemporari yang makin kompleks.

RUJUKAN

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). (1998). <https://lom.agc.gov.my>.
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301). (1984). <https://lom.agc.gov.my>.
- Akta Syarikat 1965 (Akta 125). (1965). <https://lom.agc.gov.my>.
- Akta Syarikat 2016 (Akta 777). (2016). <https://lom.agc.gov.my>.
- Court of Appeal dismisses SIS appeal over Selangor fatwa on liberalism, pluralism. (2023, 14 Mac). *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com>
- eLaw.my. (2014, 31 Julai). *Fatwa liberalisme dan pluralisme agama Selangor*. <https://www.elaw.my>
- eLaw.my. (2025, 19 Jun). *Federal Court decision in SIS Forum (Malaysia) lwn. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor*. <https://www.elaw.my>
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 1 Tahun 2003). (2003).
- High Court dismisses SIS judicial review on Selangor fatwa. (2019, 27 Ogos). *The Edge Malaysia*. <https://www.theedgemaalaysia.com>
- SIS Forum (Malaysia) & Anor lwn. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Ors* [2025] 5 MLRA 92.
- SIS Forum (Malaysia) umum penukaran nama susulan kenyataan Sultan Selangor. (2025, 19 Jun). *New Straits Times*. <https://sistersinislam.org/sis-forum-malaysia-umum-penukaran-nama-susulan-kenyataan-sultan-selangor/>
- Sisters in Islam. (2014, 31 Oktober). *SIS files judicial review against Selangor fatwa on liberalism and pluralism*. <https://www.sistersinislam.org.my>
- Warta Kerajaan Negeri Selangor, No. 1665. (2014, 31 Julai).